

## **BAB 4 – MENGENALI TAMADUN**

### **Halaman 77**

Manusia mula berkembang dari Afrika ke bahagian lain di dunia. Manusia terawal berusaha untuk hidup dengan menggunakan bahan asas dan senjata untuk memburu binatang, menangkap ikan, dan mengumpulkan tanaman untuk makanan. Manusia hidup dalam keadaan begini selama ribuan tahun. Apabila tamatnya Zaman Air Batu, suhu dunia mulai panas membolehkan manusia menjalankan kegiatan pertanian. Manusia mula membuat penempatan yang mewujudkan kampung dan bandar. Kewujudan bandar, sistem kehidupan masyarakat dalam bidang pentadbiran dan hasil penciptaan peralatan menjadi asas kepada perkembangan tamadun dunia.

Menjelang tahun 4000 SM manusia tinggal menetap dalam jumlah yang besar di kawasan tanah rendah yang bersumberkan air di Mesopotamia dan Mesir. Sekitar tahun 3,000 SM, hasil cipta penulisan melahirkan sejarah. Dalam masa yang sama, kehidupan bandar dan organisasi masyarakat membentuk negara kota di Lembangan Tigris dan Euphrates, Mesopotamia dan Sungai Nil di Mesir.

Kebanyakan penduduk bandar tidak menanam tanaman untuk makanan tetapi bergantung kepada petani untuk membekalkan makanan. Petani mempunyai kemahiran tinggi bagi mengusahakan pertanian. Mereka bergantung kepada sumber air dari sungai. Bekalan air sungai dihasilkan melalui sistem pengairan yang berkesan. Salah satu sistem yang ada ialah sistem terusan yang dapat mengawal bekalan air pada musim hujan dan kemarau.

Kita sering bertanya bagaimana bermulanya sebuah tamadun di dunia. Terdapat pelbagai pendapat mengenai kewujudan tamadun yang dikaitkan dengan perkembangan kepandaian manusia. Pendapat mengatakan kegiatan manusia mula muncul kira-kira 100,000 tahun dahulu sehingga tahun 700 Sebelum Masehi. Manusia sudah mula bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Pergerakan mengambil masa yang panjang dan kawasan yang luas. Ada pandangan yang mengatakan manusia mula bergerak dari benua Afrika. Manusia hidup dengan berburu, menangkap ikan dan berkumpul. Perkembangan terpenting yang berlaku ialah kegunaan peralatan sebagai senjata dan peralatan daripada kasar kepada halus.

Pada 7000 SM, manusia mula menghasilkan ciptaan. Mereka sudah tahu menghargai tanah untuk pertanian, memelihara binatang peliharaan dan mencipta cawan untuk menyimpan makanan. Beberapa milinia tahun kemudian, gangsa dijumpai dan mencetuskan tamadun lembangan sungai di sepanjang Sungai Nil, Tigris-Euphrates, Lembah Indus dan Sungai Kuning. Seterusnya bandar mula berkembang. Tulisan dicipta. Masyarakat dipisahkan mengikut kelas atau kasta. Kebanyakan manusia terlibat dalam pertanian, ada kumpulan menjadi pedagang, manakala ada juga yang menjadi tentera, paderi atau kakitangan kerajaan.

Perkembangan tamadun seterusnya melibatkan perkembangan keagamaan dan revolusi falsafah.


Perkembangan agama melibatkan Kristian dan Islam di Eropah dan Asia Barat; Hindu dan Budha di Selatan Asia; falsafah di Greek dan China; Maayan sepanjang Sungai Ganges di India, Han di China.

Fokus Perbincangan:

- o Apakah proses disebalik penciptaan tamadun awal?
- o Apakah persamaan dan perbezaan di kalangan tamadun awal dunia?

## Tamadun Sumer

Kawasan tamadun terawal di Mesopotamia dikenali sebagai Tamadun Sumer. Tamadun Sumer menghasilkan banyak pencapaian kebudayaan. Paling menonjol ialah penciptaan tulisan terawal di dunia. Kebolehan menulis mengubah kedudukan manusia daripada zaman Prasejarah kepada zaman sejarah. Kemajuan yang dihasilkan oleh masyarakat Sumer ialah pertanian, tulisan, ilmu matematik dan sains, kesenian, perdagangan dan kemasyarakatan.



### Pertanian

Penduduk Sumer menanam beberapa jenis tanaman. Tanaman yang paling bernilai ialah barli yang digunakan untuk membuat tepung dan roti. Buah kurma juga merupakan tanaman bernilai dijadikan sebagai bahan makanan. Anggur juga digunakan untuk membuat minuman.








**Tulisan**

Hasil tulisan orang Sumer dikenali sebagai cuneiform. Tulisan akan dilakukan atas kepingan tanah liat yang dikeraskan. Ianya adalah kaedah tertua dalam penulisan kerana diperkenalkan sekitar tahun 3,000 SM. Penulisan ini bermula dari atas ke bawah. Kemudiannya bertukar dari kiri ke kanan.

**Development of Cuneiform, 3000 B.C.–600 B.C.**

	Meaning of Pictograph					
	Ear of Barley	Head and Body of Man	Fish	Bird	Bowl of Food	Stream of Water
Pictographs c. 3000 B.C.						
Rotated Position Pictographs c. 2800 B.C.						
Cuneiform Signs c. 600 B.C.						

Simbol dalam Cuneiform



Huruf Cuneiform


## Matematik dan Sains

Masyarakat Sumerian mencipta sistem matematik berasaskan nombor 60. Hasil cipta ini kekal digunakan sehingga ke hari ini dengan membahagikan masa satu jam kepada 60 minit dan bulatan kepada 360 darjah. Masyarakat Sumerian juga mencipta geometri yang membantu mereka membina struktur bangunan dan sistem pengairan. Satu sumbangan besar masyarakat Sumerian dalam bidang sains ialah mencipta roda dan kapal layar.

Pemerintah terkenal Sumeria ialah Sargon. Pada 2,340 SM Sargon telah menakluk semua kawasan Mesopotamia membentuk empayar pertama di dunia. Empayar ini bertahan selama 200 tahun. Seorang lagi pemerintah terkenal Sumeria ialah Hammurabi yang terkenal dengan kod undang-undang.



## Membuat Kertas



Cara kertas dibuat adalah dari pokok buluh atau mulberi yang direbus dan dipijak. Kemudian pes ditapis dan dikeringkan menjadi kertas.